

KEMAMAN – Rumah yang bergegar dihempas ombak besar pada musim tengkujuh menjadi saat menakutkan bagi penghuni pesisir pantai Kampung Geliga Baru berikutan kedudukan kediaman mereka itu yang kian dekat dengan gigi air disebabkan masalah hakisan yang tidak berkesudahan.

Tinjauan Sinar Harian mendapati jarak rumah penduduk dengan gigi air ketika ini sudah tidak sampai 20 meter bahkan ketika fenomena air pasang besar pada musim tengkujuh bulan lalu, kedudukan rumah mereka dengan gigi air cuma kira-kira lima meter.

Hempasan ombak tinggi ketika itu membuatkan air laut meluncur ke atas tebing sehingga sejauh 30 meter mengakibatkan beberapa buah rumah bergegar dan dibanjiri air laut yang membawa bersama pasir.

Mohd Naim Abdullah, 41, yang juga bapa kepada tiga anak berkata, rumahnya dan jiran tetangga yang lain berisiko lenyap ditelan ombak jika kejadian hakisan itu berterusan berlaku.

“Sekarang saya dan jiran lega sebab musim tengkujuh nampaknya dah ke penghujung jadi tak berlaku lagi hakisan namun perkara sama akan berulang lagi apabila musim tengkujuh kembali datang. Pada musim tengkujuh Disember lepas, saya pindahkan awal-awal lagi tiga anak ke rumah mak saya di Kampung Paya Berenjut sebab keadaan ombak yang sangat besar iaitu setinggi empat hingga lima meter yang menggarkan rumah kami.

“Habis penuh rumah saya dengan air dan pasir pantai, pasir itu sampai sekarang saya belum buang kerana mahu tunggu musim tengkujuh betul-betul berakhir, bukan apa saya takut kejadian serupa berlaku lagi jadi sia-sia saya buang pasir yang banyak itu,” kata-



Penduduk tak senang duduk

Rumah bergegar dihempas ombak besar



Beginilah keadaan timbunan pasir di dalam rumah Mohd Naim yang belum dibuang selepas fenomena air pasang besar Disember lalu menyebabkan rumahnya dimasuki air laut dan pasir pantai.

dan ketika itu air laut yang memasuki rumahnya adalah separas lututnya (0.5 meter) membuatkan beberapa barang berharga dalam rumahnya iaitu televisyen, mesin basuh dan perabot yang diperbuat daripada habuk kayu rosak.

Tidur terganggu

Sementara itu, jirannya yang juga nelayan, Mahadi Awang, 42, mengakui dia, isteri dan enam anak mereka tidak tidur malam setiap kali fenomena air pasang besar bagi membolehkan mereka berjaga-jaga jika keadaan makin buruk.

“Beginilah nasib kami penduduk di birai pantai... waktu ombak besar kami berjaga, jam 4 pagi baru boleh tidur lepas nampak air makin surut. Awal tahun lepas juga saya bina penghadang konkrit depan rumah jadi pasir dah tak masuk dalam rumah,” katanya yang terpaksa bertongkat gara-gara kaki kanannya patah selepas jatuh dari

tangga semasa sedang bertukang lima bulan lalu hingga dia tidak dapat turut ke laut sejak itu.

Dianggarkan terdapat sebanyak 10 buah rumah di kawasan itu yang berdepan risiko rumah lenyap ditelan ombak ketika ini. Pada tahun lalu, lebih 10 keluarga yang tinggal berdekatan bukit tidak jauh dengan rumah Mohd Naim dan Mahadi berpindah ke kawasan Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Paya Berenjut setelah rumah mereka musnah dipukul ombak besar.

Baki penduduk yang masih tinggal di situ itu mendirikan rumah atas tanah milik kerajaan sejak lebih 10 tahun lalu kerana tidak memiliki tanah sendiri.



ZULKARNAEN

Sehubungan itu, Mohd Naim mewakili penghuni di kawasan itu berharap ada langkah penyelesaian terbaik dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membolehkan mereka dapat tidur lena dan tidak diancam risiko hakisan lagi.

Dalam pada itu, Pengerusi JKKK Kampung Geliga Baru, Zulkarnaen Zubir berkata, keadaan yang dihadapi kesemua 10 keluarga yang rumah mereka semakin dekat dengan pantai itu dalam perhatian pihak JKKK.

“Pihak JKKK juga telah membuat permohonan rumah PPRT kepada pihak kerajaan bagi membolehkan mereka juga hidup selesa seperti mangsa ombak besar lain yang telah menerima bantuan rumah PPRT itu sebelum ini,” katanya.



Selain membuat benteng, Mohd Naim juga terpaksa meletakkan batu besar atas bumbung untuk elak atap diterbangkan angin.



Mohd Naim menunjukkan benteng guni pasir yang diletakkan di tepi rumahnya sebagai penahan ombak.